

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.03.2018**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa anggaran kos pembinaan projek Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu telah meningkat sehingga RM1billion. Adakah syarikat Prasarana mampu melaksanakan projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Belanjawan 2016 telah mengumumkan anggaran sebanyak satu bilion Ringgit Malaysia akan diperuntukkan untuk pembangunan projek Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu,

Sabah.

Pada masa yang sama, seperti yang dimaklumkan dalam persidangan yang lepas, Prasarana Malaysia Berhad, sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan atau dengan izin, *feasibility study*, untuk mengenalpasti sistem pengangkutan awam bandar yang paling sesuai untuk bandaraya Kota Kinabalu, bukan sahaja untuk keperluan masa kini tetapi juga untuk dekad-dekad yang akan datang.

Kajian ini akan mengesyorkan laluan, lokasi stesen, kemudahan-kemudahan berkaitan, spesifikasi teknikal pelaksanaan, serta bentuk sistem pengangkutan yang paling sesuai untuk Kota Kinabalu.

Banyak perkara yang harus diperhalusi dan diambil kira secara mendalam berdasarkan perbincangan dengan Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), serta agensi-agensi Negeri dan Persekutuan yang lain. Setiap faktor harus dipertimbangkan dengan saksama.

Kajian kebolehlaksanaan ini dijangka siap dalam tempoh satu hingga dua bulan ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di samping membangun dan mengurus sistem dan perkhidmatan pengangkutan awam bandar di bandaraya-bandaraya utama negara seperti sistem LRT Laluan Kelana Jaya, sistem LRT Laluan Sri Petaling, sistem LRT Laluan Ampang, dan sistem MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, serta perkhidmatan bas bandar, Prasarana Malaysia Berhad juga telah membangun dan mengendalikan sistem dan perkhidmatan BRT yang pertama di negara ini iaitu perkhidmatan BRT Laluan Sunway. Prasarana Malaysia Berhad juga sedang membangunkan projek LRT3 yang menghubungkan rakyat di koridor barat Lembah Klang ke pusat bandar Kuala Lumpur, dengan jajaran yang bermula dari Bandar Utama di Petaling Jaya sehingga ke Johan Setia di Klang.

Sehubungan itu, adalah yakini bahawa Prasarana Malaysia Berhad mempunyai pengalaman dan sumber-sumber yang mencukupi untuk mengenalpasti dan membangunkan sistem pengangkutan awam bandar yang sesuai bagi bandaraya Kota Kinabalu demi keselesaan, kesejahteraan, dan kemakmuran rakyat, khususnya mereka yang menetap di Kota Kinabalu, Sabah yang pesat membangun.